

Peranan pihak pengurusan sekolah bendung kes buli

Kejadian buli di sekolah muncul kembali minggu lalu apabila media melaporkan beberapa kejadian yang berlaku di beberapa sekolah. Kes pertama membabitkan seorang pelajar Tingkatan Satu yang mengalami pendarahan pada usus dan buah pinggang selepas dibelasah sekumpulan pelajar senior sebuah sekolah agama di Pokok Sena, Kedah.

Kes kedua pula berhubung kes buli yang menjadi viral di laman sosial yang memaparkan sekumpulan murid lelaki memukul seorang murid lain yang lengkap berpakaian pengawas di surau sebuah sekolah di Besut, Terengganu.

Kes ketiga pula membabitkan penahanan empat pelajar sebuah sekolah menengah di Sematan,

Sarawak bagi membantu siasatan berhubung kes buli selepas video memaparkan insiden berkenaan tersebar di laman sosial.

Kes makin berleluasa

Semua kes buli yang berlaku sedang disiasat mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksaan kerana merusuh. Persoalan timbul dalam kalangan ramai pihak mengenai jenayah buli yang dilihat kian menjadi-jadi di sekolah. Adakah tahap pengawasan pengurusan sekolah lemah sehingga menyebabkan kegiatan ini berterusan timbul ataupun faktor kemunculan teknologi moden yang banyak mempengaruhi budaya serta tatalaku pelajar untuk menjadi agresif sehingga berlakunya jenayah buli.

Apakah itu jenayah buli? Ia ada-

lah masalah yang meliputi kegiatan seperti memeras ugut, menghina, mengejek, menumbuk dan memaki yang dilakukan seseorang terhadap mangsanya. Jenayah buli yang berlaku di sekolah pada masa ini semakin berleluasa dan mencapai tahap yang amat merimaskan serta membimbangkan pelbagai pihak.

Pelbagai faktor boleh diambil kira mempengaruhi seorang pelajar untuk terbabit dalam gejala jenayah buli ini. Antara yang utama ialah latar belakang keluarga pembuli terbabit yang bermasalah, pengaruh negatif dari rakan sebaya, kurangnya aspek pendidikan moral dan agama, persekitaran dan budaya ataupun suasana di sekolah yang tidak kondusif.

Dalam mengatasi masalah jenayah buli di sekolah, pihak pengurusan memainkan peranan penting membendungkannya. Ini kerana, kejadian terbabit berlaku di dalam kawasan dan di dalam waktu pengawasan mereka serta pihak pengurusan sekolah lebih

mengetahui masalah yang berlaku dengan terperinci. Pihak pengurusan sekolah perlu mengambil pelbagai inisiatif bagi mendapatkan maklumat mengenai segala kegiatan buli yang berlaku.

Program antibuli

Satu jawatankuasa penyelarasan anti buli peringkat sekolah perlu dilaksanakan. Jawatankuasa ini terdiri daripada pengurusan sekolah iaitu pengetua, guru kaunseling, guru disiplin, pengawal keselamatan juga wakil ibu bapa dan wakil pelajar serta berperanan memastikan setiap program atau aktiviti antibuli dijalankan mencapai objektifnya.

Jawatankuasa terbabit juga boleh menjalin kerjasama erat dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan bagi mendapatkan maklumat mengenai langkah lebih berkesan dan sesuai diambil. Pelajar yang terbabit dengan kesalahan seperti jenayah buli juga boleh dikategorikan sebagai melanggar disiplin

lin sekolah. Sekiranya kesalahan dilakukan membabitkan peraturan sekolah, maka pengurusan sekolah boleh mengambil tindakan tegas serta berani melaksanakan segala peraturan ditetapkan Kementerian Pendidikan (KPM) dan Ordinan Pelajaran 1957.

Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin) Sekolah, 1959 ada menyatakan mengenai hukuman gantung dan buang sekolah bagi maksud menjaga disiplin atau ketenteraman di mana-mana sekolah. Terdapat juga pendapat diberikan orang awam serta pakar bidang pendidikan supaya hukuman rotan dilaksanakan kembali di sekolah bagi membendung masalah jenayah buli daripada berterusan.

Semua cadangan ini perlu mendapat perhatian serius KPM dengan segera bagi membendung jenayah buli daripada terus berleluasa di sekolah.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia